



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Pihak Hospital Beaufort, Sabah **menafikan** dakwaan dua (2) nota suara yang memaklumkan seorang makcik yang positif COVID-19 telah mengunjungi BSN dan sedang dicari oleh pihak hospital.
2. Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat, Selangor **menafikan** dakwaan bahawa Klinik Kesihatan Bangi ditutup sehingga 28 April 2020 dan semua kakitangannya perlu menjalani saringan COVID-19 dan **menjelaskan** klinik berkenaan masih beroperasi seperti biasa dan waktu beroperasi dilanjutkan selama tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

**Pasukan Respon Pantas
KKMM
12 April 2020 | 3.00 Petang**

